

27 JUL 2000

BUMIPUTERA SABAH MAHU PELUANG NIAGA

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok hari ini menyarankan agar kerajaan mewujudkan mekanisme khas dalam Dasar Ekonomi Baru untuk memberi peluang kepada peniaga Bumiputera di Sabah.

Katanya mekanisme berkenaan perlu bagi mengagihkan peluang perniagaan secara lebih seimbang di kalangan Bumiputera di negara ini.

"Lazimnya, kaum Bumiputera di Sabah selalu terlepas peluang perniagaan atas sebab mudah iaitu mereka dikatakan tidak mempunyai kepakaran yang khusus dan tidak berpengalaman dalam bidang tertentu," katanya dalam ucapan dasar pada kongres keenam parti itu di sini yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dompok, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata mekanisme itu penting memandangkan di Sabah sudah lahir segelintir masyarakat Bumiputera yang menunjukkan minat dan kesungguhan untuk meneroka peluang-peluang ekonomi.

Beliau menggesa anggota parti itu dan masyarakat Kadazandusun dan Murut amnya supaya memperkuatkan azam bagi menghadapi cabaran alaf baru, lebih-lebih lagi kerana mereka kini telah tahu apa peranan mereka dalam alaf baru ini.

"Kita mesti menyokong usaha murni pemimpin negara untuk menangani segala kerumitan yang dihasilkan oleh perubahan senario ekonomi, politik dan sosial di peringkat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI